



25 JUL, 2024

Rokok, minuman keras bernilai RM205 151 dirampas

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Rokok, minuman keras bernilai RM205,151 dirampas



JKDM merampas sejumlah rokok serta minuman keras, yang disyaki tidak diisytiharkan cukai bernilai RM205,151.51.

AZREEN KERIA

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak berjaya merampas sejumlah rokok serta minuman keras, yang disyaki tidak diisytiharkan cukai bernilai RM205,151.51 di sini, semalam.

Pengarahnya, Norizan Yahya berkata kesemua barangan tersebut dirampas hasil pemeriksaan ke

atas sebuah premis sekitar 11.10 pagi di kawasan Taman Kenyalang di sini.

"Seorang lelaki warga tempatan berusia dalam lingkungan 19 tahun, yang mengaku sebagai pekerja di premis berkenaan, turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Kuantiti rokok dan minuman keras yang dirampas adalah sebanyak 68,888 batang rokok dan 7,939.93 liter minuman keras, keseluruhannya diang-

garkan bernilai RM140,924.16.

"Anggaran jumlah duti dan cukai yang terlibat adalah sebanyak RM205,151.51," beliau memaklumkan dalam kenyataan, semalam.

Menjelas lanjut, modus operandi sindiket terbabit menggunakan premis tersembunyi untuk menyimpan, menjual serta mengedar rokok dan minuman keras ke pasaran bagi mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa.

Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967, dan jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Orang awam juga diminta untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan di talian bebas tol JKDM 1-800-88-8855 atau Pejabat JKDM terdekat, dengan jaminan identiti pemberi maklumat dirahsiakan.



25 JUL, 2024

Rokok, minuman keras bernilai RM205 151 dirampas

Utusan Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak berjaya merampas sejumlah rokok serta rrynuman keras, yang disyaki tidak diisytiharkan cukai bernilai RM205,151.51 di sini, semalam. Pengarahnya, Norizan Yahya berkata kesemua barangan tersebut dirampas hasil pemeriksaan ke

atas sebuah premis sekitar 11.10 pagi di kawasan Taman Kenyalang di sini. "Seorang lelaki warga tempatan berusia dalam lingkungan 19 tahun, yang mengaku sebagai pekerja di premis ber- kenaan, turut ditahan bagi membantu siasatan.